



NOTIS PRIVASI

Sebagai sebahagian daripada urusan perniagaan Kumpulan AmBank, kami mengumpul Maklumat Peribadi anda apabila anda memohon untuk membuka akaun, melanggan mana-mana produk atau perkhidmatan kami atau berkomunikasi dengan kami. Kami mungkin menggunakan maklumat ini untuk menyediakan produk atau perkhidmatan kami kepada anda, menyenggara rekod kami atau menghantar maklumat yang relevan kepada anda.

Menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ('PDPA'), kami perlu memaklumkan anda mengenai:

- (i) jenis Maklumat Peribadi yang dikumpul dan bagaimana kami mengumpulnya;
- (ii) bagaimana kami menggunakan Maklumat Peribadi anda;
- (iii) pihak-pihak yang kami dedahkan Maklumat Peribadi anda;
- (iv) pilihan yang anda ada berkenaan had Maklumat Peribadi yang anda berikan;
- (v) perbezaan di antara maklumat yang dianggap wajib atau sukarela; dan
- (vi) bagaimana anda mengakses dan mengemas kini Maklumat Peribadi anda

Privasi anda adalah penting terhadap kami dan kami komited untuk melindungi Maklumat Peribadi anda dengan mengumpul dan menggunakan Maklumat Peribadi anda mengikut PDPA.

Bagi tujuan Notis Privasi ini, sila ambil perhatian bahawa:

- **"Kumpulan AmBank"** merujuk kepada AMMB Holdings Berhad dan semua anak syarikat yang berkait secara langsung dan tidak langsung dengannya, termasuk, tetapi tidak terhad kepada: AmBank (M) Berhad, AmIslamic Bank Berhad, AmInvestment Bank Berhad, AmInvestment Group Berhad, AmInvestment Services Berhad, AmInvestment Management Sdn Bhd, AmFutures Sdn Bhd, AmCard Services Berhad, AmGeneral Insurance Berhad, AmLife Insurance Berhad dan AmFamily Takaful Berhad.
- **"Maklumat Peribadi"** merujuk kepada sebarang maklumat yang berkait secara langsung atau tidak langsung dengan anda dan/atau transaksi anda dengan kami. Maklumat ini mungkin merangkumi nama anda, nombor kad pengenalan, alamat, pekerjaan, butiran hubungan, butiran akaun, jenis produk dan/atau perkhidmatan yang anda langgani dan sebarang maklumat penting mengenai diri anda dan transaksi anda termasuklah Maklumat Peribadi Sensitif.
- **"Maklumat Peribadi Sensitif"** merujuk kepada maklumat berkaitan kesihatan, pandangan politik, kepercayaan agama anda dan lain-lain.

1. Jenis Maklumat Peribadi Yang Dikumpul dan Bagaimana Kami Mengumpulnya

Untuk membolehkan kami menguruskan pertanyaan anda, membuka dan mengendalikan akaun/kemudahan/polisi insurans untuk anda atau menyediakan produk dan perkhidmatan kami kepada anda, kami mungkin perlu mengumpul, menggunakan, mendedahkan dan menyimpan ("memproses") maklumat peribadi dan/atau kewangan anda. Maklumat peribadi dan/atau kewangan anda diperlukan bagi tujuan antara lainnya:

- a. mengesahkan pengenalan diri dan latar belakang anda;
- b. menentukan kedudukan kewangan dan kepercayaan kredit anda apabila perlu;
- c. menentukan keadaan kesihatan anda sekiranya anda ingin melanggan polisi insurans yang kami tawarkan; dan/atau
- d. menyediakan mana-mana produk dan/atau perkhidmatan kami yang anda mohon.

Kami juga mungkin mengumpul maklumat di atas mengenai anda melalui sumber-sumber berikut:

- a. Hubungan anda dengan kami, sebagai contoh, maklumat yang anda berikan di dalam borang permohonan apabila menggunakan produk atau perkhidmatan kami, apabila melakukan transaksi melalui akaun anda, apabila menggunakan perkhidmatan dalam talian atau elektronik kami, apabila mengambil bahagian dalam kaji selidik pelanggan, peraduan, promosi dan semasa semakan prestasi kewangan;
- b. Komunikasi lisan, bertulis dan/atau elektronik dengan kami atau ejen kami yang sah;
- c. Pihak ketiga yang berkaitan dengan anda seperti pekerja, pemegang akaun bersama, penyedia keselamatan dan penjamin yang tertakluk kepada kebenaran anda terlebih dahulu;

- d. Analisis mengenai cara anda menggunakan dan menguruskan sebarang akaun/kemudahan/polisi insurans dari kami;
- e. Akses dan penggunaan perkhidmatan kami, transaksi yang anda buat dan bayaran yang dilaksanakan melalui akaun/kemudahan/polisi anda; dan/atau
- f. Mana-mana sumber yang telah mendapat kebenaran anda untuk mendedahkan maklumat berkaitan anda dan/atau di mana tidak dilarang.

Maklumat Peribadi yang kami kumpul mungkin berunsur wajib atau sukarela. Maklumat Peribadi wajib adalah maklumat anda yang diperlukan supaya kami boleh menyediakan produk dan perkhidmatan yang anda perlukan. Sekiranya anda tidak memberikan kami Maklumat Peribadi wajib, kami tidak dapat menyediakan produk dan perkhidmatan tersebut. Maklumat Peribadi sukarela adalah maklumat anda yang tidak wajib diberikan kepada kami. Sekiranya anda tidak mahu memberikan kami Maklumat Peribadi sukarela anda, anda masih boleh memohon produk dan perkhidmatan kami. Maklumat Peribadi wajib dan sukarela mungkin berbeza untuk produk dan perkhidmatan kami yang berlainan dan ini akan dinyatakan di dalam borang permohonan untuk produk dan perkhidmatan tersebut.

2. Bagaimana Kami Menggunakan Maklumat Peribadi Anda

Selain daripada yang dinyatakan di atas, kami mungkin menggunakan Maklumat Peribadi anda untuk mana-mana tujuan berikut:

- a. Mengakses dan menguruskan permohonan anda untuk produk dan perkhidmatan kami supaya kami boleh memberikan lebih maklumat terkini seperti penambahbaikan dan ciri-ciri baharu bagi produk dan perkhidmatan sedia ada, pembangunan produk dan perkhidmatan baharu, peraduan, promosi dan tawaran daripada pihak ketiga dengan usaha sama Kumpulan AmBank yang mungkin menarik minat anda;
- b. Menguruskan dan menyenggara akaun/kemudahan/polisi insurans anda dengan mengemas kini secara berkala, konsolidasi dan menambah baik ketepatan rekod kami. Ini membolehkan kami memberi maklum balas terhadap pertanyaan, aduan dan untuk menyelesaikan pertikaian dengan segera supaya kami dapat mempertingkatkan perniagaan kami dan hubungan anda dengan kami;
- c. Menjalankan penyelidikan bagi tujuan analisis, kajian data dan analisis ke atas transaksi/penggunaan produk dan perkhidmatan oleh anda untuk memahami kedudukan kewangan/pelaburan semasa anda dan di masa hadapan. Kami juga akan menghasilkan data, laporan dan statistik dari semasa ke semasa, namun maklumat tersebut akan digabungkan supaya identiti anda akan tetap dirahsiakan. Adakalanya, jika perlu, kedudukan kewangan anda mungkin akan disahkan melalui rujukan kredit/laporan pemeriksaan;
- d. Mematuhi keperluan undang-undang yang berkenaan seperti menjalankan pemeriksaan anti-pengubahan wang haram, pengesanan/pencegahan jenayah, pendakwaan atau penguatkuasaan hak kami untuk memperoleh sebarang hutang termasuk memindahkan atau menentukan hak, kepentingan dan obligasi kami mengikut mana-mana perjanjian anda dengan kami;
- e. Melaksanakan perkhidmatan bersama dalam Kumpulan AmBank seperti audit, pematuhan, perundangan, sumber manusia, pengurusan risiko termasuklah menilai risiko kewangan dan insurans;
- f. Penyumberan luar perniagaan dan operasi belakang dalam Kumpulan AmBank; dan
- g. Sebarang tujuan yang diperlukan atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan, garis panduan dan/atau pihak berkuasa yang relevan.

Kami akan mendapatkan kebenaran anda sebelum menggunakan Maklumat Peribadi anda bagi tujuan selain daripada yang dinyatakan di dalam Notis Privasi ini dan/atau berkenaan sebarang perjanjian anda dengan Kumpulan AmBank.

3. Pendedahan Maklumat Peribadi Anda

Dalam usaha menyediakan produk dan perkhidmatan kami kepada anda, kami mungkin perlu mendedahkan maklumat tertentu mengenai anda dan akaun anda, kemudahan dan/atau polisi insurans anda dengan kami kepada pihak ketiga yang berikut:

- a. ejen, penyedia perkhidmatan, vendor dan/atau penasihat profesional yang membantu kami memproses, mentadbir, melaksanakan transaksi atau menyediakan perkhidmatan nilai tambahan yang anda mohon;
- b. mana-mana orang yang diberi kuasa atau dilantik oleh anda untuk memberi arahan kepada kami bagi pihak anda seperti ejen, akauntan, juruaudit, peguam, penasihat kewangan, broker

- dan perantara anda;
- c. mana-mana penjamin, penyedia keselamatan atau orang yang berhasrat untuk menyelesaikan tunggakan wang bagi kemudahan yang kami berikan kepada anda;
 - d. mana-mana orang yang terlibat dengan penggunaan atau pengekalan hak kami atau pemindahan hak dan obligasi di bawah perjanjian anda dengan kami;
 - e. mana-mana pihak ketiga yang wujud daripada penstrukturan semula kemudahan yang diberikan kepada anda, penjualan hutang, perolehan atau penjualan mana-mana syarikat oleh Kumpulan AmBank dengan syarat penerima menggunakan maklumat anda bagi tujuan yang sama ia diberikan kepada kami dan/atau digunakan oleh kami;
 - f. mana-mana institusi kewangan lain bagi tujuan melengkapkan transaksi yang diperlukan oleh anda;
 - g. saudagar dan fasilitator pemindahan dana elektronik yang berkaitan dengan sebarang kad kredit/debit yang dikeluarkan oleh kami untuk anda;
 - h. mana-mana agensi penarafan, agensi pelaporan kredit, penginsurans, broker insurans, penginsurans semula atau penyedia perlindungan kredit secara langsung/tidak langsung dan sekiranya berlaku kesilapan dalam kemudahan yang diberikan kepada anda, kepada agensi kutipan hutang; dan/atau
 - i. mana-mana pihak berkuasa dan/atau penguatkuasa yang layak, termasuk penguatkuasa asing untuk pelaksanaan fungsi-fungsi mereka, tertakluk pada setiap masa ke atas sebarang undang-undang, termasuk undang-undang asing yang perlu dipatuhi oleh Kumpulan AmBank.

Jika tidak, kami tidak akan mendedahkan maklumat anda kepada pihak lain, kecuali apabila;

- a. anda telah memilih untuk melakukannya bagi tujuan pemasaran produk pihak ketiga;
- b. anda telah memilih untuk tidak menerima sebarang bahan pemasaran dari Kumpulan AmBank;
- c. kami perlu atau dibenarkan melakukannya berdasarkan undang-undang;
- d. kami perlu atau dibenarkan berdasarkan arahan mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas Kumpulan AmBank.
- e. kami mungkin memindahkan hak dan obligasi di bawah perjanjian kami dengan anda; dan/atau
- f. kami perlu memenuhi obligasi kami kepada mana-mana pihak berkuasa yang relevan.

Walaupun begitu, anda boleh yakin bahawa kami akan menghormati dan melindungi privasi dan kerahsiaan maklumat peribadi anda.

4. Keselamatan Maklumat Peribadi Anda

Kami memberi keutamaan yang tinggi dalam memastikan keselamatan dan kerahsiaan Maklumat Peribadi anda dan kerap menjalankan semakan dan melaksanakan langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi yang terkini apabila memproses Maklumat Peribadi anda. Maklumat lanjut mengenai kawalan keselamatan boleh didapati dalam Kenyataan Keselamatan Laman Web kami di www.ambankgroup.com.

5. Pengekalan Maklumat Peribadi

Maklumat Peribadi anda akan dikekalkan selaras dengan Notis Privasi ini dan/atau terma dan syarat perjanjian anda dengan mana-mana entiti Kumpulan AmBank sepanjang tempoh hubungan anda atau tempoh yang perlu bagi melindungi kepentingan Kumpulan AmBank dan anda. Pengekalan ini juga perlu seperti yang ditetapkan undang-undang atau selaras dengan polisi dalaman kami.

6. Hak Anda untuk Mengakses Dan Membetulkan Maklumat Peribadi

Sekiranya anda ingin mengakses dan/atau menukar Maklumat Peribadi anda, anda boleh membuat permohonan menggunakan Borang Permohonan Akses Data atau Borang Permohonan Pembetulan Data kami. Borang-borang ini boleh didapati di semua cawangan serta laman web kami, www.ambankgroup.com dan kami akan berusaha untuk memenuhi permintaan anda untuk mengakses dan/atau membetulkan Maklumat Peribadi anda dalam masa 21 hari selepas menerima borang yang telah dilengkapkan dan yuran pemprosesan yang berkenaan.

Sila ambil perhatian bahawa kami mungkin akan menghalang akses kepada Maklumat Peribadi anda dalam situasi tertentu, sebagai contoh apabila kami tidak dapat mengesahkan identiti anda, apabila maklumat yang dimohon berciri sulit dari segi komersial atau apabila terdapat permohonan berulang kali untuk maklumat yang sama. Namun begitu, kami akan memaklumkan anda mengenai sebab kami tidak dapat memenuhi permintaan anda. Kami juga mungkin akan meminta anda mengemukakan lebih

bukti dokumen untuk mengelakkan berlakunya penipuan dan/atau maklumat yang tidak tepat.

Bagi membolehkan kami menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada anda, kami berharap agar anda akan sentiasa memastikan Maklumat Peribadi anda dikemas kini.

7. Sekiranya Maklumat Peribadi Yang Anda Berikan Tidak Lengkap

Anda mungkin diwajibkan untuk memberikan Maklumat Peribadi tertentu bagi membolehkan kami memproses permohonan anda, membuka akaun atau melanggan sesetengah produk atau perkhidmatan kami. Sekiranya anda tidak boleh atau menolak untuk memberikan Maklumat Peribadi yang diwajibkan, kami mungkin tidak dapat memproses permohonan anda atau menyediakan produk atau perkhidmatan tersebut.

8. Membuat Pilihan Untuk Pendedahan Dan Penggunaan Maklumat Peribadi Anda Bagi Tujuan Pemasaran

Anda boleh membuat pilihan untuk pendedahan dan penggunaan Maklumat Peribadi anda dengan kami. Sekiranya anda tidak mahu menerima sebarang bahan pemasaran dari kami atau mana-mana rakan perniagaan pihak ketiga kami, anda boleh (i) menghubungi kami mengikut butiran hubungan yang diberikan di bawah; atau (ii) memilih untuk tidak menerima bahan pemasaran, dan pilihan ini disediakan di dalam borang permohonan/cadangan bagi produk dan perkhidmatan kami.

Sila ambil perhatian bahawa:

- tidak kira apa pilihan yang anda buat berkenaan perkara di atas, anda masih boleh menghubungi kami melalui semua saluran yang disediakan di bawah untuk menukar pilihan anda. Pilihan terkini yang dimaklumkan kepada kami akan diguna pakai. Kami akan mengemas kini pilihan pemasaran yang terkini dalam pangkalan data kami dalam jangka masa yang berpatutan selepas menerima maklumat tersebut melalui kaedah komunikasi pilihan anda;
- kami tidak akan dapat mengeluarkan Maklumat Peribadi anda dari pangkalan data rakan perniagaan pihak ketiga yang telah kami kongsi Maklumat Peribadi anda, sekiranya anda telah memilih untuk membenarkannya sebelum itu;
- komunikasi tertentu seperti penyata akaun, surat-menyurat dan laman web mungkin mengandungi maklumat lazim berkenaan produk dan perkhidmatan kami yang tidak boleh dikeluarkan tanpa menjejaskan penyampaian/penyediaan perkhidmatan dan/atau produk kami, operasi akaun anda dan/atau kemudahan dengan kami, dan/atau kos tambahan kepada anda.

9. Semakan Kepada Notis Privasi

Notis Privasi ini mungkin disemak dari semasa ke semasa dan sekiranya terdapat sebarang perubahan, ia akan dipaparkan di laman web kami dan/atau sebarang kaedah komunikasi lain yang dianggap sesuai. Walau bagaimanapun, sebarang semakan tetap akan mematuhi PDPA.

10. Pertanyaan/Aduan

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan mengenai Notis Privasi ini, anda boleh menghubungi:

Jawatan: Pegawai Perkhidmatan Pelanggan
Jabatan: Pusat Hubungan AmBank
Telefon: 1300-80-8888 (domestik) / 03-2178 8888 (antarabangsa)
Alamat: P.O. Box No 12617
50784 Kuala Lumpur.
E-mel: customercare@ambankgroup.com